

NADWAH ILMIAH PEGAWAI-PEGAWAI KANAN (NAIM) DAN PELANCARAN INDEKS SYARIAH KEMENTERIAN PERTAHANAN 2017

airforce.mil.my/berita/acara-rasmi/2541-nadwah-ilmiah-pegawai-pegawai-kanan-naim-dan-pelancaran-indeks-syariah-kementerian-pertahanan-2017

KUALA LUMPUR, 10 Okt 17 - Timbalan Panglima Tentera Udara, YBhg Lt Jen Dato' Sri Ackbal bin Hj Abdul Samad TUDM telah menghadiri Majlis Perasmian Nadwah Ilmiah Pegawai-Pegawai Kanan (NAIM) dan Pelancaran Indeks Syariah Kementerian Pertahanan 2017 bertempat di Dewan Perkasa , Wisma Perwira ATM.



Program tahunan ATM ini telah dianjurkan oleh Jabatan Arah Kor Agama Angkatan Tentera (KAGAT) dengan kerjasama Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). Program ini adalah merupakan salah satu wadah percambahan fikiran untuk merealisasikan objektif umum ATM yang berfungsi sebagai National Lead Agency.



Bersempena Majlis Perasmian pada kali ini juga ialah Syariah Kementerian Pertahanan. Ia merupakan sebuah indikator atau kayu pengukur yang dibangunkan oleh JAKIM bersama Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) dan Yayasan Dakwah Islam Malaysia (YADIM). Indeks ini direka bentuk dan dibangunkan dengan tujuan untuk mengukur tahap keseriusan usaha negara dalam merealisasikan prinsip, nilai dan sistem Islam berasaskan lima prinsip Maqasid Syariah yang utama iaitu memelihara agama, nyawa, akal, keturunan dan harta.



Majlis ini telah disempurnakan oleh Menteri Pertahanan Malaysia, Y.B Dato' Seri Hishammuddin Tun Hussein. Majlis Perasmian ini turut dihadiri oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Y.B Mejar Jeneral Dato' Seri Jamil Khir bin Baharom (B), Timbalan Menteri Pertahanan Malaysia, Y.B Dato' Sri Mohd. Johari bin Baharum, Panglima Angkatan Tentera, YM Jen Tan Sri



Raja Mohamad Affandi bin Raja Mohamad Noor, Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan Malaysia, Dato' Sri Abdul Rahim bin Mohamad Radzi, Ketua Pengarah JAKIM, YBhg Tan Sri Dato' Haji Othman bin Musthapha, Panglima-panglima Perkhidmatan, Pegawai Kanan Kementerian Pertahanan dan ATM.

